

Kementerian sokong rambut ala-Johor

BH-18/6/2007

Oleh Amad Bahri Mardi

KOTA TINGGI: Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein menyambut baik dan menyokong cadangan Jabatan Pelajaran Johor memperkenalkan potongan rambut ala-Johor kepada pelajar dan menyifatkan ia cara terbaik mendekati pelajar.

Beliau berkata, walau apa saja pendekatan, objektif dan matlamat utama dalam pendidikan adalah untuk mendisiplinkan pelajar.

Justeru, katanya, jika pelajar dapat menerimanya dengan baik dan mereka sukarela melakukannya, ia wajar dilaksanakan serta diperluaskan.

"Saya bangga usaha Jabatan Pelajaran Johor kerana ia suatu yang baik dan wajar dicontohi Jabatan Pelajaran negeri dan pelajar lain.

"Yang pasti, ia bukan paksaan, tetapi cadangan dan boleh digalakkan. Kita pun tahu generasi sekarang bu-

kannya boleh dipaksa-paksa dan biarlah kita terbuka supaya mereka mudah menerimanya," katanya selepas merasmikan Hari Koperasi Sekolah Peringkat Kebangsaan, di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tun Habab di sini semalam.

Hadir sama, Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran, P Komala Devi; Timbalan yang Dipertua Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa), Profesor Dr Mohd Ali Baharum dan Pengarah Pelajaran Johor, Mokhy Saidon.

Hishammuddin mengulas langkah Jabatan Pelajaran Johor memperkenalkan potongan rambut ala-Johor pada Rabu lalu.

Sementara itu, beliau berharap 1,887 koperasi sekolah mewujudkan rangkaian kerjasama dengan koperasi sekolah di luar negara sebagai usaha pengantarabangsaan pendidikan.

Katanya, ia dapat diwujudkan menerusi jalinan hubungan koperasi se-

kolah negara dengan koperasi sekolah luar negara seperti dari rantau Asia Tenggara.

"Kita menggalakkan koperasi sekolah terbaik mengadakan rangkaian kerjasama membabitkan koperasi sekolah terbaik di luar negara contohnya di Bangkok, Thailand melalui ban-

“ Saya bangga usaha Jabatan Pelajaran Johor kerana ia suatu yang baik dan wajar dicontohi Jabatan Pelajaran negeri dan pelajar lain”

Hishammuddin Hussein
Menteri Pelajaran

tuang Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (Angkasa)," katanya.

Pada majlis itu, Hishammuddin menyampaikan bantuan Angkasa kepada sekolah yang dilanda banjir.

Terdahulu beliau mahu semua 160 sekolah menengah yang belum menubuhkan koperasi segera menubuhkannya, manakala 360 sekolah yang sudah ditubuhkan koperasi, tetapi belum menjadi ahli Angkasa segera berbuat demikian.

"Kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, yang terbabit sama dalam penubuhan Kelab Usahawan Muda di sekolah Menengah dan Kelab Usahawan Rintis di sekolah rendah, kerjasama itu amat kami hargai," katanya.

Beliau berkata, sokongan kementerian itu menambah jumlah kiosk di sekolah menengah daripada 266 kepada 700 membabitkan kos RM3.99 juta adalah sumbangan besar dan amat membanggakan.